

Bil. S 88

PERINTAH PENDAFTARAN AHLI FARMASI, 2001
(S 21/01)

ATURAN-ATURAN PENDAFTARAN AHLI FARMASI (TATATERTIB), 2010

SUSUNAN ATURAN-ATURAN

Aturan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Tafsiran.
3. Aduan terhadap ahli farmasi.
4. Rekod prosiding mahkamah.
5. Prosedur apabila menerima aduan.
6. Pengakuan berkanun.
7. Keputusan Lembaga mengenai prosiding selanjutnya.
8. Wakil Lembaga.
9. Notis siasatan.
10. Penangguhan siasatan.
11. Ahli farmasi boleh meminta dokumen yang dihantar kepada Lembaga.
12. Akses kepada dokumen.
13. Siasatan tidak terbuka kepada orang ramai.
14. Keterangan semasa siasatan.
15. Ahli farmasi boleh hadir sendiri atau diwakili.
16. Perjalanan siasatan.
17. Keputusan Lembaga.
18. Penghakiman tertangguh.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

19. Ahli Lembaga tidak hadir.
 20. Siasatan mengenai kelakuan 2 orang ahli farmasi atau lebih.
 21. Hukuman.
 22. Pengeluaran nama ahli farmasi dari daftar.
-

PERINTAH PENDAFTARAN AHLI FARMASI, 2001
(S 21/01)

ATURAN-ATURAN PENDAFTARAN AHLI FARMASI (TATATERTIB), 2010

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 25 dari Perintah Pendaftaran Ahli Farmasi, 2001, maka Menteri Kesihatan, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Aturan-Aturan yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. (1) Aturan-Aturan ini boleh digelar sebagai Aturan-Aturan Pendaftaran Ahli Farmasi (Tatatertib), 2010.

(2) Aturan-Aturan ini hendaklah mula berjalan kuatkuasanya pada 1hb. September, 2010.

Tafsiran.

2. Dalam Aturan-Aturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, "wakil Lembaga" bermakna orang yang mewakili Lembaga menurut aturan 8.

Aduan terhadap ahli farmasi.

3. (1) Lembaga hendaklah menimbangkan setiap aduan bertulis terhadap seseorang ahli farmasi.

(2) Aduan itu boleh dibuat dalam suatu laporan —

(a) bahawa ahli farmasi itu telah disabitkan atas suatu kesalahan yang disebut dalam bab 17(1)(a) atau (b); atau

(b) bahawa namanya patut dikeluarkan dari daftar atas suatu alasan yang dinyatakan dalam bab 17(1)(c), (d), (e) atau (f).

Rekod prosiding mahkamah.

4. (1) Jika seseorang ahli farmasi telah disabitkan atas suatu kesalahan yang disebut dalam bab 17(1)(a) atau (b), Lembaga hendaklah menimbangkan rekod, prosiding mahkamah.

(2) Lembaga boleh, jika pada pendapatnya bahawa nama ahli farmasi itu patut dikeluarkan dari daftar, mengeluarkan nama ahli farmasi itu dari daftar setelah dia diberikan peluang yang munasabah untuk didengar.

Prosedur apabila menerima aduan.

5. (1) Apabila menerima suatu aduan terhadap seseorang ahli farmasi, Pendaftar hendaklah menghantar kepada ahli farmasi itu satu salinan aduan itu dan satu salinan sebarang pengakuan berkanun yang diberikan di bawah aturan 6.

(2) Ahli farmasi itu hendaklah diminta untuk memberikan apa-apa penjelasan yang mungkin ingin diberikan olehnya kepada Lembaga.

Pengakuan berkanun.

6. (1) Jika seseorang ahli farmasi dikatakan telah melakukan kesalahan atas suatu perbuatan atau kelakuan yang tidak senonoh, Lembaga tidak boleh melakukan tindakan selanjutnya di bawah Aturan-Aturan ini melainkan jika ada diberikan sehingga memuaskan hatinya suatu pengakuan berkanun yang dibuat oleh pengadu.

(2) Pengakuan berkanun itu hendaklah menyatakan —

(a) nama, alamat dan pekerjaan pengadu;

(b) alasan aduan itu; dan

(c) keterangan mengenai perbuatan atau kelakuan tidak senonoh yang dikatakan itu.

(3) Lembaga boleh mengetepikan kehendak untuk memberikan suatu pengakuan berkanun jika tuduhan itu dibuat oleh seseorang pegawai kerajaan atau peguambela atau peguamcara Lembaga.

Keputusan Lembaga mengenai prosiding selanjutnya.

7. (1) Jika Lembaga, setelah menimbang aduan itu, sebarang pengakuan berkanun yang diberikan di bawah aturan 6 dan sebarang penjelasan yang diberikan di bawah aturan 5(2), memutuskan bahawa —

(a) tiada tindakan diambil, ahli farmasi yang berkenaan hendaklah diberitahu dengan sewajarnya oleh Pendaftar;

(b) suatu amaran diberikan kepada ahli farmasi itu, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu surat atas syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga;

(c) nama ahli farmasi itu dikeluarkan dari daftar di bawah bab 17(1)(c),
(d), (e) atau (f), Lembaga boleh mengarahkan supaya nama itu dikeluarkan;
atau

(d) suatu siasatan diadakan, Lembaga hendaklah menyiasat mengenai perkara itu di bawah Aturan-Aturan ini.

(2) Sebelum Lembaga mengarahkan supaya suatu nama dikeluarkan dari daftar di bawah aturan kecil (1)(c), Lembaga hendaklah memberikan kepada ahli farmasi itu peluang yang munasabah untuk didengar.

Wakil Lembaga.

8. Bagi maksud suatu siasatan di bawah Aturan-Aturan ini, Lembaga boleh diwakili oleh seseorang peguambela dan peguamcara, atau seseorang pegawai kerajaan.

Notis siasatan.

9. (1) Jika Lembaga mengarahkan supaya suatu siasatan diadakan, wakil Lembaga hendaklah menyampaikan kepada ahli farmasi yang sedang disiasat itu suatu notis yang menyatakan —

(a) pertuduhan yang dibuat terhadap ahli farmasi itu; dan

(b) masa, tarikh dan tempat siasatan itu.

(2) Suatu siasatan hendaklah, kecuali dengan persetujuan ahli farmasi, diadakan tidak lebih awal dari 28 hari selepas tarikh notis itu.

(3) Notis itu hendaklah dalam borang sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Lembaga.

(4) Notis itu hendaklah disampaikan kepada ahli farmasi itu dengan pos berdaftar yang dialamatkan kepadanya di alamatnya yang terakhir diketahui.

(5) Jika terdapat suatu aduan, satu salinan aduan itu hendaklah juga disampaikan kepada ahli farmasi itu.

Penangguhan siasatan.

10. (1) Ahli farmasi yang sedang disiasat itu atau wakil Lembaga boleh memohon bagi penangguhan siasatan itu.

(2) Lembaga boleh menangguhkan siasatan itu ke suatu tarikh yang kemudian sebagaimana yang mungkin ditentukan olehnya.

Ahli farmasi boleh meminta dokumen yang dihantar kepada Lembaga.

11. (1) Wakil Lembaga hendaklah, atas permintaan ahli farmasi yang sedang disiasat itu, menghantar kepadanya satu salinan setiap dokumen berkenaan dengan perkara yang sedang disiasat yang ada dalam milikan Lembaga.

(2) Tiada sebarang apa pun dalam aturan kecil (1) boleh memaksa wakil Lembaga untuk mengemukakan salinan apa-apa persuratan di antara Lembaga dan dirinya.

Akses kepada dokumen.

12. Ahli farmasi yang sedang disiasat itu dan wakil Lembaga hendaklah dibenarkan untuk mempunyai akses kepada maklumat yang terkandung dalam sebarang dokumen pada masa yang munasabah sebelum dokumen itu dikemukakan sebagai keterangan dalam suatu siasatan.

Siasatan tidak terbuka kepada orang ramai.

13. (1) Suatu siasatan oleh Lembaga di bawah Aturan-Aturan ini hendaklah diadakan secara sulit.

(2) Lembaga boleh menyiarkan suatu laporan mengenai keputusannya pada tamatnya perbicaraan itu.

Keterangan semasa siasatan.

14. (1) Lembaga boleh menghendaki ahli farmasi yang sedang disiasat itu atau wakil Lembaga untuk mengemukakan dokumen-dokumen berkenaan dengan perkara yang sedang disiasat dan yang ada dalam milikannya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(2) Seseorang yang menghadiri siasatan itu hendaklah memberikan keterangan dengan mengangkat sumpah.

Ahli farmasi boleh hadir sendiri atau diwakili.

15. Ahli farmasi yang sedang disiasat itu boleh hadir sendiri atau diwakili oleh seseorang peguambela dan peguamcara, seseorang ahli mana-mana pertubuhan farmaseutikal atau profesional di mana dia adalah seorang ahlinya atau oleh seorang ahli keluarganya.

Perjalanan siasatan.

16. (1) Jika ahli farmasi itu tidak hadir, Lembaga boleh meneruskan siasatan itu selepas berpuas hati bahawa suatu notis siasatan itu telah disampaikan kepadanya di bawah aturan 9(1).

(2) Tertakluk kepada aturan kecil (3), prosedur yang hendak diikuti dalam siasatan itu adalah seperti berikut —

(a) pertuduhan tersebut hendaklah terlebih dahulu dibacakan kepada ahli farmasi itu;

(b) ahli farmasi itu atau wakilnya boleh membantah pertuduhan tersebut;

(c) jika sebarang bantahan tersebut dibenarkan, tiada prosiding selanjutnya boleh diambil oleh Lembaga atas pertuduhan yang disebut dalam bantahan itu;

(d) wakil Lembaga hendaklah mengemukakan fakta-fakta yang atasnya pertuduhan itu diasaskan, dan mengemukakan keterangan mengenai fakta-fakta yang dikatakan dalam pertuduhan itu;

(e) ahli farmasi itu atau wakilnya boleh memberi keterangan bagi pihak ahli farmasi itu dan memeriksa balas saksi-saksi;

(f) Lembaga boleh menyoal ahli farmasi itu dan memeriksa balas saksi-saksi;

(g) pada penutup kes itu, ahli farmasi itu atau wakilnya boleh memberi ucapan kepada Lembaga; dan

(h) wakil Lembaga hendaklah membuat ucapan penutupnya.

(3) Lembaga boleh mengubah prosedur dalam aturan kecil (2) dalam sebarang hal tertentu.

(4) Semasa siasatan itu, Lembaga boleh memutuskan bahawa pertuduhan tersebut adalah tidak berasas, dalam hal itu tiada prosiding selanjutnya boleh didengar.

(5) Lembaga tidaklah terikat untuk bertindak dengan cara rasmi dan tidaklah terikat oleh peruntukan-peruntukan Akta Keterangan (Pengg. 108) atau oleh sebarang undang-undang bertulis yang lain berkenaan dengan keterangan, tetapi boleh memberitahu sendiri mengenai sebarang perkara dengan cara sebagaimana yang difikirkannya patut.

Keputusan Lembaga.

17. (1) Pada selesainya prosiding di bawah aturan 16, Lembaga hendaklah menimbangkan sama ada semua pertuduhan telah dibuktikan sehingga memuaskan hatinya.

(2) Jika Lembaga memutuskan bahawa sebarang pertuduhan telah dibuktikan sehingga memuaskan hatinya, ahli farmasi itu atau wakilnya boleh memberi ucapan kepada Lembaga dalam mitigasi dan mengemukakan keterangan mengenai perangai ahli farmasi yang sedang disiasat itu.

Penghakiman tertangguh.

18. (1) Lembaga hendaklah menimbangkan sama ada penghakiman akan ditangguhkan.

(2) Jika penghakiman telah ditangguhkan, perbicaraan itu hendaklah ditangguhkan ke suatu tarikh yang akan ditentukan oleh Lembaga.

(3) Notis tarikh perbicaraan itu akan diteruskan hendaklah diberikan kepada wakil Lembaga dan ahli farmasi yang sedang disiasat itu tidak kurang dari 4 minggu sebelum tarikh itu.

(4) Ahli farmasi yang sedang disiasat itu hendaklah diminta untuk mengemukakan kepada Lembaga, tidak lewat dari 3 minggu sebelum perbicaraan itu, sebarang pernyataan atau testimonial berhubung dengan kelakuannya atau nama dan alamat mana-mana orang yang kepadanya rujukan boleh dibuat mengenai perangnya.

(5) Satu salinan pernyataan atau testimonial itu hendaklah dihantar kepada pengadu.

(6) Dalam perbicaraan yang disambung semula itu, apa-apa fakta lain boleh dibawa kepada perhatian Lembaga jika ia berkaitan dengan perkara yang sedang disiasat.

(7) Wakil Lembaga hendaklah mengingat balik peringkat prosiding itu ditangguhkan dan Lembaga boleh —

(a) mendengar apa-apa hujah lain oleh wakil Lembaga atau ahli farmasi yang sedang disiasat itu; dan

(b) menerima keterangan lanjut berkenaan dengan kes itu atau kelakuan ahli farmasi itu sejak penangguhan tersebut sebagaimana yang difikirkannya patut.

(8) Lembaga hendaklah kemudiannya memutuskan sama ada ia patut menangguhkan lagi penghakimannya.

Ahli Lembaga tidak hadir.

19. Lembaga boleh menjalankan prosiding di bawah Aturan-Aturan ini walaupun seorang atau 2 orang daripada ahli-ahlinya tidak hadir dan kesahan prosiding tersebut tidak boleh dicabar atas alasan ini.

Siasatan mengenai kelakuan 2 orang ahli farmasi atau lebih.

20. Lembaga boleh menjalankan suatu siasatan mengenai pertuduhan-pertuduhan terhadap 2 orang ahli farmasi atau lebih dalam perbicaraan yang sama.

Hukuman.

21. (1) Pada tamatnya suatu siasatan di bawah Aturan-Aturan ini, Lembaga hendaklah memutuskan —

(a) sama ada perbuatan atau kelakuan tidak senonoh yang dikatakan itu dibuktikan; dan

(b) jika demikian, sama ada perbuatan atau kelakuan tidak senonoh itu adalah sebegitu rupa sehingga menyebabkan ahli farmasi yang berkenaan tidak layak untuk didaftarkan sebagai seorang ahli farmasi.

(2) Jika Lembaga memutuskan bahawa perbuatan atau kelakuan tidak senonoh yang dikatakan itu dibuktikan, Lembaga boleh mengarahkan Pendaftar untuk mengeluarkan nama ahli farmasi itu dari daftar atau mengenakan salah satu atau kedua-dua hukuman yang berikut —

(a) memberi amaran keras kepada ahli farmasi itu; dan

(b) menyekat ahli farmasi itu dari menjalankan amalan farmasinya dengan cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

Pengeluaran nama ahli farmasi dari daftar.

22. (1) Jika Pendaftar telah diarahkan untuk mengeluarkan mana-mana nama dari daftar, dia hendaklah menghantar dengan serta-merta suatu notis mengenai pengeluaran nama ahli farmasi itu dari daftar kepada ahli farmasi itu di alamatnya yang terakhir diketahui.

(2) Lembaga boleh menyiarkan suatu laporan mengenai siasatan itu.

(3) Lembaga boleh memberitahu Pendaftar atau mana-mana pegawai lain universiti atau institusi dari mana ahli farmasi itu memperoleh ijazah atau kelayakan farmaseutikalnya mengenai pengeluaran nama ahli farmasi itu dari daftar.

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 5 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1431 bersamaan dengan 14 haribulan September, 2010.

PEHIN ORANG KAYA JOHAN PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ADANAN BIN BEGAWAN PEHIN SIRAJA Khatib
DATO SERI SETIA AWANG HAJI MOHD. YUSOF,
Menteri Kesihatan,
Negara Brunei Darussalam.